

Pesakit Covid-19 melebihi 10,000

Susulan peningkatan baharu sebanyak 1,472 kes, rekod 3 kematian

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Bilangan pesakit Covid-19 yang sedang dirawat di hospital di Malaysia kini mencecah seramai 10,495 orang termasuk 120 kes yang diletakkan di unit rawatan rapi (ICU). Pertambahan itu susulan pe-

ningkatan kes baharu dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam iaitu sebanyak 1,472 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 67,169 kes.

Mengulas lanjut, katanya, daripada 120 kes dirawat yang di ICU, seramai 44 orang memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan tiga kes kematian Covid-19 hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif adalah sebanyak 363

orang iaitu 0.54 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kes kematian itu membabitkan seorang wanita warga emas dan dua lelaki berumur 24 hingga 64 tahun.

"Kesemua kes kematian dilaporkan di hospital Sabah.

"Secara keseluruhan dalam tempoh seminggu lalu, jangkitan Covid-19 menunjukkan jumlah pelaporan kes harian yang lebih stabil.

"Sebahagian besar daripada kes-kes yang dilaporkan kebelakangan ini adalah berpunca dari tapak binaan dan kilang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Selangor mendahului negeri lain dalam kes baharu positif Covid-19 semalam apabila sebanyak 891 kes direkodkan.

Menurutnya, sebanyak 795 kes yang dikesan di Selangor adalah daripada kluster sedia ada.


"Sebanyak 39 kes dikesan semasa saringan kontak rapat kes positif, dua kes import dan 55 kes merupakan lain-lain saringan.

"Sabah yang sebelum ini menyaksikan peningkatan kes yang tinggi hanya merekodkan 267 kes positif baharu," kata beliau.



DR NOOR HISHAM


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	67,169	PULIH:	56,311	ICU:	120
KEMATIAN:	363	KES BAHARU	+1,472		



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 1 Disember 2020